



PEJABAT PEMBANGUNAN INFOSTRUKTUR DAN INFRASTRUKTUR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII), UiTM dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Kontrak** di UiTM Green Centre, PPII, UiTM Shah Alam.

1) JAWATAN PENTADBIRAN

BIL.	JAWATAN	GRED	STATUS JAWATAN	SKIM PERKHIDMATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA						
1.	KERANI	N19	Kontrak (Tabung Amanah Pelaburan Pembangunan dan Fasiliti)	Pembantu Tadbir	RM 1,352.00	RM 4,003.00

2) SYARAT LANTIKAN

KERANI (N19) (KONTRAK)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **ATAU**
Gaji Permulaan : N19: RM1,352.00
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **ATAU**
Gaji Permulaan : N19: RM1,408.40
- (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan : N19: RM1,464.80

DAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris** sekurang-kurangnya gred C (**termasuk lulus Ujian Lisan**) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

4) PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Hanya permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN benar** mengikut susunan seperti berikut: -
 - i) Salinan Kad Pengenalan
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - iv) Salinan Sijil SPM
 - v) Salinan Sijil-sijil yang berkenaan
- c. Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **dua (2) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

5) PERMOHONAN

Pemohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur <https://ppii.uitm.edu.my/index.php/muat-turun/borang-borang/borang-borang-infrastruktur>

Tarikh tutup permohonan ialah pada **18 OGOS 2023**.

Sila kemukakan permohonan kepada :

**PENOLONG PENDAFTAR KANAN,
PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & INFOSTRUKTUR (PPII),
KOMPLEKS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & INFOSTRUKTUR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM),
40450 SHAH ALAM,
SELANGOR.**

E-mel: ppii@uitm.edu.my

No.Tel : (03) 5544 1599 / 2263 / (03) 5521 1922